

PEDAGOGI ICT (INFORMATION & COMMUNICATION TECHNOLOGY) DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN SEJARAH

Oleh;

Norsalleh Ngatimin (SM Sains Kota Tinggi, Johor)

Sahat Md. Shah (SMK Jalan Kluang, Johor)

1. Pengenalan

ICT adalah salah satu kaedah pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Sejarah yang inovatif. Aspek pengajarannya boleh melibatkan guru menggunakan ICT dan aspek pembelajarannya pula boleh melibatkan murid menggunakan ICT. Penggunaan ICT dalam pembelajaran boleh dikategorikan kepada empat iaitu tutorial, penerokaan, alat aplikasi dan komunikasi.

2. Apakah ICT (Information & Communication Technology)?

- Teknologi ialah suatu sistem bagi *memudahkan* manusia memenuhi keperluannya.
- Maklumat ialah *data yang tersusun*.
- Komunikasi ialah proses saling *menghantar dan menerima maklumat*.

3. Di manakah ICT boleh dilaksanakan?

- Bilik darjah.
- Makmal komputer.
- Cyber Cafe.
- Rumah/peribadi.

4. Mengapakah kita menggunakan ICT?

- Meningkatkan *kefahaman* terhadap pelajaran.
- Memberi *peluang* pembelajaran yang sama.
- Meningkatkan *motivasi*.
- Membolehkan pembelajaran *kendiri*.
- *Mengakses* maklumat yang sukar diperolehi.
- Mewujudkan suasana pembelajaran *seronok dan mencabar*.
- Meningkatkan *kreativiti dan imaginasi*.
- Pembelajaran berkesan dengan *bimbingan minimum*.
- Meningkatkan *kemahiran ICT*.

5. Bilakah ICT dilaksanakan?

- Ketika P&P di *bilik darjah*.
- Ketika P&P di *makmal komputer*.
- Di luar P&P sebagai persediaan *sebelum P&P*.
- Di luar P&P sebagai pengukuhan *selepas P&P*.

6. Bagaimanakah kita menggunakan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah?

a. Penggunaan ICT dalam P&P Sejarah;

- Harus *dirancang dengan baik*, dan bukan secara *bidan terjun* atau sebagai aktiviti sampingan yang tidak ada kaitan dengan kurikulum.
- Guru mesti menggunakan ICT *bersesuaian* dengan kehendak kurikulum atau untuk *menyokong* sesuatu pendekatan P&P.

b. Keperluan yang perlu disediakan;

- *Alat* (hard technology)
- *Sumber* (maklumat/data)
- *Tatacara* (soft technology)

c. Konteks Penggunaan ICT Dalam P&P;

- *Aspek Pengajaran* (guru menggunakan ICT);
ICT boleh digunakan sebagai alat persembahan dan alat demonstrasi.
- *Aspek Pembelajaran* (murid menggunakan ICT).

Penggunaan ICT dalam pembelajaran boleh dikategorikan kepada:

(i) Tutorial

ICT dikatakan untuk pembelajaran tutorial apabila digunakan untuk menyampaikan kandungan pelajaran berdasarkan urutan yang telah *ditetapkan*.

Pembelajaran tutorial ini merangkumi:

- Pembelajaran ekspositori iaitu penjelasan terperinci.
- Demonstrasi sesuatu fenomena yang ditunjukkan dan dikawal urutan babakannya oleh sistem.
- Latihan atau latih tubi yang disampaikan dan dikawal oleh sistem.

(ii) Penerokaan (eksploratori)

Penggunaan ICT untuk pembelajaran penerokaan berlaku apabila ICT digunakan sebagai *medium* untuk:

- mencari dan mengakses maklumat daripada CD-ROM, internet.
- mengalami, mempelajari dan mengkaji sesuatu fenomena secara simulasi.
- melihat demonstrasi sesuatu kejadian yang urutan babakannya boleh dikawal oleh murid.

(iii) Alat aplikasi

ICT dikatakan digunakan sebagai alat aplikasi apabila membantu murid melaksanakan tugas pembelajaran, dan bukan sebagai mekanisme penyaluran maklumat P&P.

(iv) Komunikasi

ICT dikatakan sebagai alat pemudah komunikasi apabila digunakan untuk membolehkan murid dan guru daripada lokasi yang berbeza menghantar, menerima dan berkongsi maklumat yang pelbagai bentuk.

7. Contoh gerak kerja

**Tajuk : Peristiwa Penentangan Pemimpin Tempatan
(Tingkatan 5 Bab 2)**

Langkah 1

Murid diminta melihat gambar-gambar pemimpin setempat daripada laman web <http://www.e.tuisyen.com> atau CD yang disediakan.

Langkah 2

Reaksi anda (secara lisan) terhadap gambar Dol Said dan Rentap yang dimuat turun daripada laman web <http://www.e.tuisyen.com> atau CD yang disediakan.

1	Dol Said; 1. Suka (bulatkan jika anda setuju) 2. Bangga (bulatkan jika anda setuju) 3. Benci (bulatkan jika anda setuju) Reaksi lain: 4. _____ 5. _____
2	Rentap; 1. Suka (bulatkan jika anda setuju) 2. Bangga (bulatkan jika anda setuju) 3. Benci (bulatkan jika anda setuju) Reaksi lain: 4. _____ 5. _____

Langkah 3

Setiap murid dikehendaki mengumpulkan maklumat tentang Dol Said dan Rentap berkaitan;

- lokasi
- sebab penentangan
- cara penentangan
- tindak balas penjajah British

Daripada laman Web berikut;
http://www.malaccacom.net.my/malay/tempat_menarik/DolSaid.htm dan
<http://members.tripod.com/~PKPMSM1/sejarah20c.html>

	Aspek	Dol Said	Rentap
1	Lokasi;	N _____	Ulu Sungai _____
2	Sebab penentangan;	1. Mempertahankan _____ _____ 2. Mengenakan _____ _____	1. Menganggap orang _____ lanun 2. Menganggu cara _____ tradisional
3	Cara penentangan;	1. Perang 1931 Menang/Kalah 2. Perang 1932 Menang/Kalah	1. Serang _____ 2. Berundur ke _____
4	Tindak balas British;	1. Dibawa ke _____	1. Kubu dan rumah di _____

Langkah 4

Beberapa orang murid diminta membentangkan laporan hasil dapatan mereka.

Langkah 5 (Pengukuhan)

Guru merumuskan hasil laporan dapatan murid dan meminta murid membuat penambahan maklumat yang terkandung dalam buku teks.